

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JIM 317 – Persamaan Pembezaan II**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

1. Persamaan Bessel berperingkat sifar diberi oleh

$$x^2y'' + xy' + x^2y = 0.$$

Tunjukkan bahawa

- (a)  $x = 0$  adalah titik singular sekata.

(15 markah)

- (b) punca persamaan indeksan ialah

$$r_1 = r_2 = 0.$$

(30 markah)

- (c) satu penyelesaian untuk  $x > 0$  ialah

$$J_o(x) = 1 + \sum_{n=1}^{\infty} \frac{(-1)^n x^{2n}}{2^{2n} (n!)^2}.$$

(40 markah)

- (d) Nyatakan selang penumpuan untuk siri tersebut.

(15 markah)

2. (a) Tunjukkan masalah nilai sempadan

$$y'' - 4\lambda y' + 4\lambda^2 y = 0$$

$$y(0) = 0$$

$$y(l) + y'(l) = 0$$

mempunyai hanya satu nilai eigen dan cari fungsi eigen yang bersepadan dengannya.

(50 markah)

- (b) Pertimbangkan persamaan pembezaan autonomous

$$\frac{dx}{dt} = (x-1)^2(x+2).$$

- (i) Cari semua titik genting dan penyelesaian keseimbangan bagi persamaan ini.  
(ii) Lakarkan graf  $\frac{dx}{dt}$  lawan x.  
(iii) Bincangkan kestabilan penyelesaian keseimbangan dan perilaku jangka panjang bagi semua penyelesaian.

(50 markah)

3. Persamaan pembezaan Hermite diberi oleh

$$y'' - 2xy' + \lambda y = 0, \quad -\infty < x < \infty \quad (*)$$

- (a) Tentusahkan persamaan tersebut adalah singular. (15 markah)  
(b) Cari fungsi p, q dan r supaya persamaan berkenaan boleh ditulis semula dalam bentuk persamaan Sturm-Liouville berikut:

$$\frac{d}{dx} \left[ p(x) \frac{dy}{dx} \right] + q(x)y + \lambda r(x)y = 0.$$

(30 markah)

- (c) Jika  $H_n(x)$  adalah polinomial Hermite yang menepati persamaan (\*) dan syarat sempadan

$$\lim_{x \rightarrow \pm\infty} e^{\frac{-x^2}{2}} y(x) = 0$$

dan

$$\lim_{x \rightarrow \pm\infty} e^{\frac{-x^2}{2}} y'(x) = 0,$$

tuliskan hubungan keortogonalan bagi  $H_n(x)$ .

(25 markah)

...4/-

- (d) Andaikan  $f(x)$  suatu fungsi yang diberi dan kembangkan untuk  $f(x)$  dalam sebutan polinomial  $H_n(x)$  ialah

$$f(x) = \sum_{n=0}^{\infty} a_n H_n(x).$$

Dapatkan rumus bagi koefisien  $a_n$ .

(30 markah)

4. Pertimbangkan sistem persamaan pembezaan autonomous yang tak linear

$$\frac{dx}{dt} = 1 - xy$$

$$\frac{dy}{dt} = x - y^3.$$

- (a) Cari titik keseimbangan bagi sistem tersebut.

(20 markah)

- (b) Dapatkan matriks penglinearan bagi setiap titik keseimbangan dan tentukan nilai eigennya.

(45 markah)

- (c) Bincangkan kestabilan titik keseimbangan sistem berkenaan.

(35 markah)

5. (a) Pertimbangkan masalah nilai awal

$$\frac{dy}{dt} = f(y(t), t)$$

$$y(0) = y_0.$$

- (i) Dalam kaedah berangka, huraikan pengertian tentang ralat pangkasan setempat, ralat pangkasan global dan pangkat bagi suatu kaedah berangka.

...5/-

- (ii) Jika saiz langkah untuk kaedah berperingkat ketiga dikurangkan daripada 0.01 kepada 0.001, bagaimanakah ia memberi kesan ke atas ralat pangkasan global?

(40 markah)

- (b) Cari penyelesaian hampiran bagi masalah

$$\frac{dy}{dt} = y^2 - t^2$$

$$y(0) = 1$$

dalam selang  $0 \leq t \leq 0.5$  dengan menggunakan kaedah Euler dan saiz langkah  $h = 0.1$ .

(60 markah)

- 0000000 -

